

Dr M dan Ghafar pemimpin tegas yang tidak emosional

KUALA LUMPUR, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Encik Ghafar Baba, hari ini disifatkan sebagai pemimpin tegas, berani dan tidak emosional.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Haji Abu Hassan Omar, berkata pemimpin-pemimpin seperti mereka patut diberi sokongan sepenuhnya untuk menerajui parti dan kerajaan.

Beliau menegaskan: "Orang yang emosional tidak tegas pendiriannya kerana dikongkong oleh perasaan yang boleh berubah dan berbolak-balik mengikut kesesuaian dan kesukaan hati."

Berucap merasmikan kejohanan catur Hari Buruh dan pelancaran projek Catur Gergasi di Menara Kewangan di sini petang ini, beliau berkata kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr Mahathir berazam melahirkan satu masyarakat yang berdisiplin serta bertanggungjawab terhadap bangsa dan negara.

"Kita harus sedar dan insaf bahawa sesebuah negara yang mempunyai rakyat atau pertubuhan yang mempunyai ahli tidak berdisiplin dan tidak bertanggungjawab sudah pasti akan tersekat kemajuannya," katanya.

Beliau berkata, jika keadaan itu wujud, yang rugi dan menerima akibatnya adalah rakyat dan ahli-ahli pertubuhan itu sendiri.

"Justeru itu, kita hendaklah sentiasa berwaspada dan menyekat pergerakan orang-orang atau ahli-ahli berkenaan," tegasnya.